

MENUKAR FOTO MENJADI DOKUMEN PDF

Sungguhpun kebanyakan kamera digital merakam foto dalam format JPG/JPEG, ini tidak bermaksud anda tidak boleh menukarnya kepada format lain. Adakalanya pertukaran format perlu supaya ia mudah dikongsi melalui e-mel, tapak web/blog, penerbitan atau untuk tujuan lain. Format PDF (Portable

Diperjelaskan secara ringkas di sini mengenai fungsi dan cara penggunaan MagicPDF untuk rujukan anda.

CARA PENGGUNAAN

Langkah 1: Kalau sudah tidak sabar mencuba perisian ini, muat turun (download) segera di tapak web pembangunnya di <http://www.magicpdf.com/magicpdf.html> (Rajah 1). Ia juga boleh ditemui di tapak web yang membekalkan pelbagai perisian seperti Softpedia (<http://www.softpedia.com>) atau tapak web seumpamanya (Rajah 2). Saiz failnya hanya 922 KB dan serasi pelbagai sistem operasi (OS) Windows, termasuk XP. Selepas failnya dimuat turun, letakkan dalam sebuah folder untuk tindakan selanjutnya.



Rajah 1


Document Format) misalnya, begitu popular dalam aktiviti perkongsian dokumen elektronik, yang mengandungi imej dan teks. Kini, anda berpeluang menukar foto menjadi PDF dengan bantuan perisian menarik seperti MagicPDF 2.0.

Perisian ini boleh mencipta fail-fail PDF secara percuma sepenuhnya tanpa gangguan seperti "watermark", paparan iklan atau mesej. Anda boleh mencipta seberapa banyak fail PDF untuk kegunaan peribadi ataupun komersial. Pencetak maya ini mampu menghasilkan PDF dengan mudah dan pantas sebaik sahaja dipasang. Malah ia menyokong pelbagai versi Windows (termasuk Vista) dan aplikasi yang dilengkapi fungsi cetakan (print). Ringkasnya, anda tidak perlu keluar wang jika hendak menukar foto digital menjadi PDF berkualiti.



Rajah 2


Langkah 2: Seterusnya, klik fail yang telah dimuat turun tadi untuk memulakan pemasangan (Rajah 3). Ketika proses memasang (install), anda perlu menetapkan lokasi untuk menempatkan direktori failnya (Rajah 4). Kemudian ikuti arahan yang seterusnya sehingga proses pemasangan ini selesai dan berjaya. Proses pemasangan ini biasanya sebentar sahaja. Apabila pemasangan berjaya, anda boleh memeriksa folder Printers



Rajah 3


and Faxes. Di sini, anda akan menemui "ikon pencetak" berlabel MagicPDF (Rajah 5).

Langkah 3: Ikon tadi menandakan bahawa pencetak PDF telah dipasang dalam sistem dan disenaraikan bersama pencetak lain



Rajah 4

(termasuklah jenis fizikal atau PDF). Anda boleh menjadikan pencetak PDF ini sebagai "default" (terdapat tanda "right" pada ikonnya). Anda boleh mengklik kanan pada ikon tersebut untuk memapar senarai




Rajah 5

menunya. Anda akan menemui pilihan berlabel Printing Preferences (Rajah 6). Seterusnya, klik pilihan ini untuk membuka tetingkap yang berlabel MagicPDF Printing Preferences.

Langkah 4: Dalam tetingkap Printing Preferences ini, anda boleh membuat beberapa ketetapan/pilihan (Rajah 7).


Semua ketetapannya ada di bawah kategori General Settings, yang terbahagi kepada seksyen kecil berlabel Paper Options, Print Quality, dan Orientation. Misalnya, anda boleh menukar saiz kertas dari senarai pilihan yang disediakan (Rajah 8). Manakala ruang prebiu di kanannya mencerminkan



Rajah 6


saiz yang dipilih. Anda juga boleh menetapkan pilihan lain seperti resolusi dan orientasi cetakan (Rajah 9).

Langkah 5: Kini tiba masanya untuk menguji keupayaan MagicPDF. Sebelum itu sediakan



Rajah 7


dahulu fail-fail yang mahu diuji. Katakan anda menyediakan fail imej berformat JPG/JPEG, untuk ditukar menjadi format PDF (Rajah 10). Selain fail imej atau foto, anda boleh mencuba fail lain - seperti dokumen yang dicipta melalui aplikasi pemproses kata.



Rajah 8

Katakan anda membuka fail imej yang disediakan tadi melalui aplikasi penyunting foto percuma seperti PhotoFiltre atau penyunting imej lain yang dirasakan sesuai.

Langkah 6: Kebanyakan aplikasi penyunting imej (seperti PhotoFiltre), turut dilengkapi




Rajah 9

fungsi cetakan (Print) di bawah menu File (Rajah 11). Sebelum imej tadi dicetak menjadi PDF, anda boleh menambah teks, "watermark" atau menyuntingnya menggunakan alat/fungsi yang disediakan. Setelah berpuas hati klik pilihan Print tadi, untuk membuka tetingkapnya (Rajah 12). Tetingkap ini dilengkapi ruang prebiu cetakan




Rajah 10



Rajah 11


dan beberapa pilihan ketetapan. Manakala di ruang bawahnya, terdapat butang berlabel Setup.

Langkah 7: Klik butang Setup tadi untuk memaparkan tetingkap Print Setup (Rajah 13). Jika anda telah menjadikan MagicPDF



Rajah 12


sebagai pencetak "default", maka namanya akan kelihatan pada ruang berlabel "Name". Kemudian, klik butang Properties di kanannya untuk membuka tetingkap berlabel MagicPDF Properties (Rajah 14). Seperti yang dijelaskan tadi anda boleh membuat



Rajah 13


beberapa ketetapan lanjutan di sini. Contohnya, anda menentukan saiz kertas pilihan sendiri - menerusi pilihan berlabel Custom Size.

Langkah 8: Setelah membuat ketetapan, klik butang OK untuk kembali ke tetingkap Print Setup (Rajah 15). Dalam senarai Size (di bawah kategori Paper) anda perlu memilih




Rajah 14

pilihan User Define. Ini kerana anda menetapkan saiz cetakan tadi berdasarkan pilihan anda sendiri. Seterusnya, klik butang OK untuk kembali ke tetingkap Print (Rajah




Rajah 15

16). Jika perlu, anda boleh memilih mana-mana ketetapan yang telah disediakan di sini. Contohnya, anda boleh menandakan pilihan berlabel "Fit to page" atau pilihan lain.



Rajah 16



Rajah 17

Langkah 9: Sekarang anda boleh menekan butang Print untuk memulakan cetakan. Perisian MagicPDF akan menukarkan fail imej JPG tadi menjadi fail PDF. Proses pertukaran ini biasanya mengambil masa beberapa saat. Kelajuan prosesnya mungkin bergantung kepada saiz dan jenis fail yang terlibat. Sebaik sahaja prosesnya selesai, fail PDF yang dihasilkan akan dibuka melalui pembaca PDF - seperti Adobe Reader atau Foxit Reader (Rajah 17). Ini menunjukkan proses pertukaran tadi telah menjadi. Tahniah!

Langkah 10: Akhir sekali, anda boleh berkongsi fail PDF yang dicipta tadi menerusi e-mel, laman web atau blog (Rajah 18).



Rajah 18

Seterusnya, anda boleh menukar fail-fail yang menggunakan format lain seperti menukar dokumen yang dicipta menerusi aplikasi pemroses kata. Anda juga boleh menukar foto atau imej yang menggunakan format lain (antaranya PNG, BMP, TIFF, atau GIF), kemudian bandingkan hasilnya. Jika PDF yang terhasil kurang memuaskan, ia mungkin disebabkan kelemahan perisian ini.